



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2002

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-ketua Badan-badan Berkanun Persekutuan,
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,
Ketua-ketua Eksekutif Syarikat Kerajaan.

**PENGGUNAAN BAHAN/BARANGAN/PERKHIDMATAN TEMPATAN
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan peraturan penggunaan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan dalam semua perolehan Kerajaan. Semua agensi adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

2. Arah Perbendaharaan (AP) 169.2 adalah dipinda seperti yang berikut:

169.2(a) “Bahan/Barangan/Perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya oleh agensi dalam perolehan masing-masing. Perolehan melalui import hanya akan dipertimbangkan setelah dipastikan ianya tidak boleh diperolehi secara tempatan”

169.2(b) Dimansuhkan.

3. Tindakan sewajarnya akan diambil keatas agensi yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di atas dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcay. Perunding yang dilantik mengendalikan projek Kerajaan yang gagal mematuhi peraturan ini juga akan disenaraihitamkan dan tidak akan dipertimbangkan dalam projek Kerajaan yang lain.

4. Dengan berkuatkuasanya SPP ini, SPP berikut adalah dibatalkan:
- (a) SPP Bil. 4 Tahun 1996
 - (b) Pindaan Pertama dan Tambahan Pertama Kepada SPP 4/1996
 - (c) SPP Bil. 6 Tahun 1997
 - (d) SPP Bil. 12 Tahun 1998 (Tambahan Kedua kepada SPP 4/1996)
5. SPP ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(Tan Sri Dr. Samsudin Bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

5 Jun 2002

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A
SPP BIL. 7 TAHUN 2002

**PERATURAN PENGGUNAAN BAHAN/BARANGAN/PERKHIDMATAN
TEMPATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

1. Bagi maksud SPP ini, bahan/barangan tempatan adalah bahan/barangan yang dibuat dan/atau yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan melalui aktiviti pengilang. Definisi pengilang dan aktiviti pengilangan adalah seperti berikut:
 - 1.1. "Pengilang" adalah bermaksud sesuatu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 165 yang mengambil bahagian dan/atau menjalankan aktiviti pengilangannya di dalam Malaysia dan bertanggungjawab ke atas kualiti bahan/barangan yang berkenaan.
 - 1.2. "Aktiviti Pengilang" adalah bermaksud membuat dan/atau mengeluarkan apa-apa bahan/barangan memandang kepada penggunaan dan termasuklah memasang bahagian-bahagian melalui proses pengilangan.
2. Kelulusan pihak MITI hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya bahan/barangan import bernilai melebihi RM50 ribu hendak digunakan. Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam Negara (ex-stock) dan bernilai melebihi RM50 ribu memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat. Bahan/barangan yang bernilai melebihi RM200 ribu bagi satu kontrak yang dibenarkan diimport hendaklah dilaksanakan secara **Free On Board (FOB)**.
3. Agensi hendaklah memastikan spesifikasi yang disediakan bagi semua perolehan hendaklah bersesuaian dan berlandaskan bahan/barangan tempatan yang berdasarkan Standard Malaysia (MS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM). Jika tidak ada MS bagi bahan/barangan yang berkenaan, spesifikasi jabatan yang disediakan oleh satu Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi atau standard antarabangsa lain yang sesuai hendaklah digunakan.
4. Bagi perolehan kerja yang diuruskan secara *turnkey*, atau *design & build* atau secara konvensional melalui perunding, Agensi hendaklah memastikan dasar dan peraturan yang ditetapkan ini dipatuhi sepenuhnya dan dijadikan sebagai syarat mandatori dalam dokumen tender. Agensi juga dikehendaki memastikan perunding yang dilantik memasukkan syarat penggunaan bahan/barangan tempatan dalam spesifikasinya.
5. Bagi memudahkan rujukan dan memastikan bahan/barangan tempatan digunakan sepenuhnya, Kementerian Kewangan telah melantik IKRAM QA Services Sdn. Bhd. (IKRAM QA) dan SIRIM QA Services Sdn. Bhd. (SIRIM QAS) bagi menjalankan pengujian dan persijilan dan seterusnya penyediaan senarai bahan/barangan tempatan yang telah disahkan. Senarai-senarai tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Senarai Bahan/Barangan Binaan Tempatan (IKRAM QA).
- (ii) Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan (SIRIM QAS).

Senarai-senarai tersebut boleh diperolehi melalui IKRAM QA dan SIRIM QAS mengikut yang mana berkenaan dan akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Agensi dikehendaki menggunakan barang yang disenaraikan oleh IKRAM QA dan/atau SIRIM QAS mengikut mana yang berkenaan.

6. Perolehan perkhidmatan perunding hendaklah di kalangan firma perunding tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Perolehan perkhidmatan perunding daripada luar negara hanya boleh dilakukan setelah agensi mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Perolehan perkhidmatan bukan perunding hendaklah daripada syarikat/kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja.

7. Sekiranya persijilan sistem kualiti berasaskan Standard MS ISO 9000/ISO 9000 diperlukan, sijil pengesahan tersebut hendaklah dikeluarkan oleh badan persijilan yang diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM).

8. Pengimportan untuk kategori bahan/barangan yang sama dengan bahan/barangan tempatan hanya boleh dipertimbangkan jika;

- (i) tidak terdapat gred/kelas tertentu buatan tempatan; atau
- (ii) bahan/barangan tersebut tidak boleh diganti dengan bahan/barangan tempatan yang lain; atau
- (iii) berlaku kekurangan bekalan pada peringkat Nasional.

9. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya, agensi hendaklah memasukkan syarat berikut ke dalam dokumen tender/sebut harga dan juga dimasukkan ke dalam kontrak seperti berikut:

- (a) *"Kontraktor adalah diwajib menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan/Barangan Binaan Buatan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. dan/atau Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Services Sdn. Bhd. mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah surat setuju terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor."*
- (b) *"Bagi bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan, juga boleh dipertimbangkan jika barang tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Services Sdn. Bhd. mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dapat dijalankan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Services Sdn. Bhd. kontraktor*

boleh memohon dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengguna untuk menjalankan ujian dengan agensi lain”.

10. Bagi perolehan kerja, Agensi dikehendaki membuat pemantauan sepertimana yang ditetapkan dalam SPP Bil. 11 Tahun 2000. Agensi boleh menggunakan sumber dalamannya atau melantik IKRAM QA Services Sdn. Bhd. untuk membuat pemeriksaan ke atas mana-mana projek sekiranya disyaki kontraktor tidak mematuhi syarat penggunaan bahan/barangan buatan tempatan seperti yang termaktub dalam SPP ini.
11. Bagi tender antarabangsa, Agensi hendaklah memastikan supaya penyediaan spesifikasi adalah berlandaskan kepada bahan/barangan buatan tempatan.

Kementerian Kewangan Malaysia
Kuala Lumpur.

5 Jun 2002